



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KUALA LUMPUR MENEMBUSI 20 TANGGA TERATAS EKOSISTEM STARTUP MEMBANGUN DI PERINGKAT GLOBAL

GSER 2025 mengiktiraf agenda nasional serta kedudukan status Malaysia yang kian meningkat menerusi pembiayaan peringkat awal dan dasar yang berlandaskan inovasi yang dipacu oleh Ekonomi MADANI.

KUALA LUMPUR, 13 JUN 2025 – Buat julung kali bagi Malaysia, Kuala Lumpur telah disenaraikan di kedudukan ke-18 dalam Laporan Ekosistem Startup Global (GSER) 2025 oleh Startup Genome, sekali gus meletakkannya dalam kedudukan 20 Ekosistem Startup Membangun yang terbaik di dunia.

Pencapaian ini mencerminkan hasil daripada pelaksanaan agenda inovasi nasional yang diselaraskan, merangkumi program strategik pembangunan ekosistem startup serta usaha mobilisasi modal yang kini menunjukkan impak yang jelas. GSER, yang diiktiraf sebagai analisis ekosistem startup yang komprehensif di dunia, telah menilai lebih daripada 300 bandar di lebih 100 negara, menonjolkan perkembangan Kuala Lumpur dalam aspek prestasi, pembiayaan, pembangunan bakat serta capaian pasaran.

Menurut Startup Genome, pembiayaan peringkat awal di Kuala Lumpur telah mencecah RM1.5 bilion (USD 368 juta) dalam tempoh dua tahun setengah yang lalu, iaitu peningkatan lebih 40% berbanding laporan sebelumnya. Peningkatan ini juga mencerminkan tahap keyakinan pelabur yang semakin kukuh serta momentum pertumbuhan ekosistem yang memberangsangkan.

Peningkatan kedudukan global ini disumbangkan oleh ekosistem inovasi yang semakin matang serta dicetuskan oleh visi dasar jangka panjang Malaysia yang berlandaskan Ekonomi MADANI. Kemajuan ini adalah hasil daripada dua strategi nasional penting yang bertujuan untuk meningkatkan landskap ekosistem startup: Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) yang dilancarkan pada tahun 2021, dan Pelan Tindakan KL20, diperkenalkan pada April 2024.

“Pencapaian ini bukan sekadar pengiktirafan Kuala Lumpur di peringkat antarabangsa, namun ia juga mencerminkan kemajuan sebenar yang telah kita capai di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI, di mana inovasi, keusahawanan, dan teknologi menjadi pamacu kepada aspirasi kita ke arah sebuah ekonomi yang bernilai tinggi dan inklusif,” kata YB Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

“Kemajuan yang dicapai ini adalah hasil daripada dasar yang dirangka secara terancang serta usaha berterusan dalam pembinaan institusi menerusi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia, yang telah membina asas penting bagi pertumbuhan dalam tiga aspek utama: pembentukan modal, pembangunan bakat, dan kerangka peraturan, sekaligus merangsang kemajuan ekosistem permulaan negara. KL20 kemudiannya telah mempercepat dan memperkuuh usaha ini dengan memperluas akses kepada pembiayaan, menarik bakat global, serta meningkatkan keyakinan pelabur. Secara keseluruhan, kedua-dua inisiatif ini bergerak seiring dengan visi nasional untuk meletakkan Malaysia dalam kedudukan 20 ekosistem startup membangun yang terbaik di dunia menjelang tahun 2030.

“Di bawah kepimpinan MOSTI serta Cradle Fund sebagai agensi pelaksana utama, kami bekerjasama erat dengan rakan-rakan strategik daripada sektor awam dan swasta bagi memperkuuh ekosistem startup negara. Usaha ini turut memberi tumpuan kepada pemerkasaan pengasas syarikat serta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama bagi startup global, bakat berkemahiran tinggi, dan pelabur.

“Penyenaraian Kuala Lumpur dalam kedudukan 20 Ekosistem Startup Membangun Terbaik dunia merupakan satu pencapaian yang signifikan, berbanding kedudukannya antara 21–30 bagi tempoh 2022 hingga 2024. Peningkatan ini melambangkan momentum kukuh hasil daripada penyelarasaran dasar dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Salah satu pamacu utama kejayaan ini ialah peningkatan ketara dalam skor Capaian Pasaran, iaitu melonjak daripada 2 kepada 10, yang menggambarkan keupayaan startup Malaysia yang semakin tinggi dalam menembusi pasaran antarabangsa, melangkaui sempadan domestik, serta berdaya saing di peringkat global.”

Indikator Ekosistem Malaysia: Momentum dan Jangkauan Global

Dalam laporan tahun ini, Startup Genome menunjukkan beberapa pamacu utama yang menyumbang kepada peningkatan kedudukan Kuala Lumpur dalam landskap ekosistem startup global. Antara faktor utama yang diketengahkan termasuk prestasi ekosistem, bakat tempatan, ketersediaan modal, dan capaian pasaran.

Penilaian ini dibuat melalui perbandingan antara tempoh pelaporan sebelumnya - H2 2021 hingga 2023, dengan data semasa - H2 2022 hingga 2024, yang menunjukkan peningkatan ketara dalam beberapa indikator utama:

- Pembiayaan peringkat awal meningkat sebanyak 44%, daripada USD 255 juta kepada USD 368 juta.
- Pembiayaan median Siri A melonjak sebanyak 43%, melepas paras USD 4 juta.
- Jumlah pembiayaan modal teroka mencapai USD 3.3 bilion, menandakan peningkatan sebanyak 22%.
- Skor Capaian Pasaran meningkat drastik daripada 2 kepada 10, membuktikan bahawa startup Malaysia kini semakin berjaya menembusi pasaran antarabangsa serta menarik pelanggan dan rakan strategik dari luar negara.

"Kedudukan Malaysia yang semakin meningkat dalam laporan GSER merupakan hasil daripada reformasi struktur yang dirancang secara menyeluruh, yang juga telah memperkuat ekosistem startup negara, termasuk asas modal dan bakat yang menyokongnya," kata Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle Fund, agensi pelaksana MOSTI bagi pembangunan startup peringkat awal.

"Pertumbuhan ketara dalam pembiayaan peringkat awal dan pembiayaan Siri A menunjukkan wujudnya modal yang semakin mendalam dan bersedia untuk menyokong startup di Malaysia. Ini merangkumi program geran di bawah Cradle sendiri, platform pembiayaan ekuiti dan pelabur mangkin, serta pelbagai dana institusi seperti Dana Jelawang Capital oleh Khazanah Nasional dan Dana Perintis oleh KWAP, antara beberapa dana modal teroka baharu yang diumumkan sepanjang tahun lalu.

"Minat pelabur yang semakin meningkat ini mencerminkan perubahan landskap dimana startup di Malaysia kini bukan lagi semata-mata menjurus kepada kejayaan tempatan, sebaliknya, mereka sedang diposisikan untuk berkembang ke peringkat global."

"Salah satu kekuatan utama dalam ekosistem permulaan negara adalah kualiti bakat dan pengalaman para pengasas syarikat pemula – hasil daripada usaha pembinaan kapasiti yang berterusan sepanjang tahun. Melalui inisiatif seperti MYStartup oleh Cradle, serta kerjasama rentas sektor dengan institusi akademik, pihak korporat dan agensi kerajaan, kita sedang membina generasi pengasas yang berteraskan digital, tangkas, dan semakin bersedia untuk bersaing di peringkat global.

"Gabungan kemajuan ini membentuk sebuah ekosistem yang lebih terintegrasi, mempunyai kesiapsiagaan modal, dan berprestasi tinggi – sekali gus mengerakkan transformasi Malaysia daripada sebuah pemain yang sedang meningkat naik kepada hab inovasi yang diiktiraf dan kompetitif di peringkat antarabangsa." tambah beliau.

Dengan lebih daripada 4,400 startup telah disokong di bawah inisiatif nasional Tetingkap Tunggal MYStartup (www.mystartup.gov.my), ekosistem inovasi Malaysia kini sedang berkembang pesat dan menuju ke tahap berprestasi tinggi.

Apabila pelaksanaan SUPER dan KL20 terus diperluas dari segi skop dan impak, Kerajaan kini mengarahkan fokusnya kepada matlamat seterusnya: meletakkan Malaysia dalam kalangan 20 Ekosistem Startup Terbaik Dunia menjelang tahun 2030.

Untuk maklumat lanjut, sila muat turun Laporan GSER 2025:
<https://startupgenome.com/report/gser2025>

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
13 JUN 2025**



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Alex Iskandar Liew

Naib Presiden Kanan & Ketua Kumpulan Komunikasi

Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle)

alex.iskandar@cradle.com.my

+6012 – 288 8813

KIT MEDIA